

KAJIAN KE ATAS PARASIT YANG TERDAPAT PADA IKAN BAUNG, *Mystus nemurus* (C.&V.).

LAU CHENG CHENG

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU  
1999



KAJIAN KE ATAS PARASIT YANG TERDAPAT PADA IKAN BAUNG, *Mystus  
nemurus* (C. & V.).

LAU CHENG CHENG

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU  
1999

1100024140

**KAJIAN KE ATAS PARASIT YANG TERDAPAT PADA IKAN BAUNG, *Mystus nemurus* (C. & V.)**

Oleh

**LAU CHENG CHENG**

**Laporan Projek ini merupakan sebahagian  
daripada keperluan untuk mendapatkan  
Ijazah Bachelo Sains Perikanan**

**Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU**

1999

**Buat khas keluarga tersayang ayah dan mak atas didikan selama ini.**

**Abang, kakak dan adik atas sumbangan dari segi moral, fizikal dan mental yang dicurahkan.**

**Buat yang istimewa Yip Ling atas kasih sayang, cinta, semangat dan tunjukajar yang kan berlihan selama ini.**

**Tidak ketinggalan rakan-rakan seperjuangan terima kasih atas bimbingan selama hidup ini.**

## PENGHARGAAN

Ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas buat penyelia saya, Prof Madya Dr. Faizah Shaharom dan Dr. Abol Munafi Ambok Bolong di atas segala tunjuk ajar, kritikan, dorongan, kesabaran dan masa yang diberikan.

Terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Annuar atas persetujuannya untuk mendapatkan sumber ikan baung dari kolam air tawar UPMT. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Pn. Kartini Mohamad, En. Ayub, Chew Yit, Chew Cheng, Fong Peng, Wai Kien Tat, Clare, Apple, Is Hui dan Yii Siang di atas bantuan, dorongan dan tunjukajar yang dihulurkan.

Tidak dilupakan juga kepada ahli keluarga yang disayangi di atas semangat yang diberikan. Buat yang teristimewa, Yip Hing terima kasih di atas semangat, perangsang, kasih sayang dan bantuan yang telah dihulurkan dalam menjayakan projek ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada Yayasan Sarawak yang membiayai pelajaran saya selama 3 tahun di Universiti Putra Malaysia Terengganu.

*Lydia Lau Cheng Cheng,  
Feb 99.*

## ABSTRAK

Ikan baung, *Mystus nemurus* (C. & V.), yang diperolehi dari kolam air tawar UPMT dan Sungai Terengganu telah digunakan untuk mengkaji jenis-jenis parasit yang menyeranginya. Kajian telah dijalankan ke atas endoparasit dan ektoparasit yang didapati. Sebanyak 5 spesies parasit telah dikenalpasti. Parasit yang ditemui terdiri daripada 3 kumpulan besar iaitu monogenea trematoda, kopepoda dan myxosporidia. Prevalan dan min keamatan untuk kumpulan monogenea trematoda ialah 86.0% dan 38.6 secara keseluruhannya. Monogenea trematoda merupakan kumpulan parasit yang paling biasa menyerang *M. nemurus* pada bahagian insang. Kopepoda pula mempunyai prevalan sebanyak 3.7% dan min keamatan 3.0 manakala untuk myxosporidia, prevalannya ialah 33.3% dan min keamatannya ialah 3.7. Spesies parasit yang telah diidentifikasi ialah Monogenea spesies A, *Cornudiscoides* sp dan *Bifurcohaptor haungi* untuk kumpulan monogenea trematoda, *Ergasilus* sp untuk kumpulan kopepoda dan *Henneguya* sp untuk kumpulan myxosporidia. Scanning elektron mikroskop (SEM) juga dijalankan ke atas parasit kumpulan monogenea trematoda. SEM menunjukkan dengan jelas bahawa pencengkaman kuat pada insang di bahagian posterior dibantu oleh ketujuh-tujuh pasang cangkuk marginalnya..

## ABSTRACT

*Mystus nemurus* (C. & V.) obtained from UPMT fresh water ponds and Terengganu River have been used to study the ectoparasites and endoparasites of these fish. Five species of parasites have been identified from three big groups namely monogenea trematode, copepod and myxosporidia. The prevalence and mean intensity for the monogenetic trematode are 86.0% and 38.6 respectively. The monogenetic trematode was the most common parasite which infected the gills of *M. nemurus* at its gills. Copepod has a prevalence of 3.7% and mean intensity of 3.7 but for myxosporidia its prevalence was 33.3% and mean intensity was 3.7. These parasites have been identified as Monogenea species A, *Cornudiscoides* sp and *Bifurcohaptor baungi* Lim, 1983 from groups of monogenea trematode, *Ergasilus* sp from copepod group and *Henneguya* sp from myxosporidia group. The monogenetic trematode was also studied under the Scanning Electron Microscope (SEM). SEM showed that the posteroir part of the monogenetic trematode was attached to the gills via the seven pairs of marginal hook.